

Si cantik lawan api

■ Dua wanita tangkas padam kebakaran Pasar Besar Seremban

Raja Noraina Raja Rahim dan Khairul Majib Asarul Khan am@hmetro.com.my

Seremban

Dua wanita jelita yang mengangkat hos air dan mengendalikan peralatan berat ketika operasi pemadaman kebakaran Pasar Besar Seremban, di sini, Sabtu lalu mendapat perhatian ramai.

Ketangkas dan ketahanan mental melaksanakan tugas yang kebiasaannya dilakukan anggota bomba lelaki itu membuatkan aksi mereka menjadi tular di laman sosial Facebook (FB) sejak kelmarin.

Nor Maisarah Ibrahim, 27, dan Siti Norhaliza Zakaria, 19, berjaya membuktikan kecantikan dan sifat lemah lembut serta bukan penghalang melaksanakan tugas sebagai anggota bomba.

Kedua-dua 'wanita besi' yang bertugas di Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Seremban serta BBP Seremban 2 menyifatkan bekerja dalam kalangan lelaki tidak sedikit pun melemahkan semangat, sebaliknya dianggap cabaran untuk lebih cemerlang.

Nor Maisarah berkata, minatnya terhadap cabaran dan aktiviti lasak membuatkan dia mengambil keputusan berhenti kerja sebagai juru-

“Sebelum ini, saya bertugas sebagai jururawat di hospital swasta selama tiga tahun”
Nor Maisarah

rawat untuk menyertai pasukan bomba.

“Sebelum ini, saya bertugas sebagai jururawat di hospital swasta selama tiga tahun. Kebetulan ada tawaran pengambilan anggota bomba, saya cuba nasib dan di terima menyertai latihan di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wakaf Tapai, Terengganu.

“Saya menjalani latihan hampir lima bulan sebelum dihantar bertugas di Perak selama sebulan dan ditukarkan ke Seremban pada Mei lalu,” katanya ketika ditemui di Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Sembilan, di sini, semalam.

Berpangkat Pegawai Bomba, Nor Maisarah berkata, dia tidak menyangka ada yang mengambil gambarnya sedang mengangkat hos air ketika operasi itu dan hanya mengetahui ia tular selepas seorang rakan mengirimmnya di aplikasi WhatsApp.

“Dalam tugasan kami, tiada diskriminasi jantina. Dalam keadaan genting, kami



FOTO tular Siti Norhaliza ketika bertugas.

HARIAN METRO

FOTO: JOMAL HAOIM ROSMAN



NOR Maisarah (kiri) dan Siti Norhaliza dilayan seperti anggota bomba yang lain.



NOR Maisarah memikul hos dalam usaha memadamkan kebakaran.

“Sebaik tamat persekolahan, saya memohon menyertai bomba. Saya terpaksa menunggu selama setahun sebelum dipanggil untuk menyertai latihan di Terengganu”
Siti Norhaliza

perlu menjalankan tugas tanpa melihat sama ada wanita atau lelaki,” katanya yang berasal dari Kubang Kerian, Kelantan.

Bagi Siti Norhaliza pula, dia tidak pernah bercita-cita untuk menyertai pasukan

beruniform, namun tidak menyangka akan berkhidmat sebagai anggota bomba.

Menurutnya, kerjaya beruniform melatinya menjadi lebih berdisiplin, sekali gus membentuk semangat jati diri yang tinggi.

“Sebaik tamat persekolahan, saya memohon menyertai bomba. Saya terpaksa menunggu setahun sebelum dipanggil untuk menyertai latihan di Terengganu.

“Hanya 20 pelatih wanita saja daripada 193 orang yang terpilih menjalani latihan dan kami dilayan tanpa diskriminasi sepanjang menjalani latihan fizikal serta praktikal termasuk mengangkat hos mahupun membuat pemadaman api,” katanya.

Bina pasar moden tarikan pelancong

Seremban: Pasar Besar Seremban, di sini, dalam perancangan untuk dinaik taraf sebagai pasar moden yang akan menjadi satu lokasi pelancongan di negeri ini.

Ia berikutan tingkat satu pasar berusia 39 tahun berkenaan musnah dalam kebakaran pada Sabtu lalu, menyebabkan ia tidak dapat beroperasi dan perlu dibaik pulih semula.

Ketua Pemuda MCA Datuk Chong Sin Woon berkata, proses pembinaan semula pasar berkenaan akan dilaksanakan selepas mendapat laporan penuh siasatan daripada Jabatan

Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

“Perancangan itu dibuat selepas mengadakan mesyuarat dengan Majlis Perbandaran Seremban (MPS) dan Persatuan Penaja Pasar Besar Seremban, petang semalam (kelmarin) apabila peniaga meminta tapak pasar itu dikelkalkan.

“Kami sedang menunggu keputusan siasatan untuk memastikan bangunan itu selamat. Sekiranya disahkan selamat, maka kita akan membina semula pasar berkenaan dengan reka bentuk moden dan menjadikannya



sebagai pusat pelancongan,” katanya pada sidang media di perkarangan pasar berkenaan, di sini, semalam.

Menurutnya, bangunan baru pasar berkenaan bukan saja menjual barangan ke-

perluan harian, malah turut mempunyai lot kedai yang menjual pelbagai produk kraf tangan dan produk pelancongan lain.

Harlan Metro semalam melaporkan, Pasar Besar Seremban yang menjadi lokasi tumpuan penduduk untuk mendapatkan barang keperluan harian musnah dalam kebakaran, Sabtu lalu.

Ruang perniagaan di tingkat satu yang menempatkan 197 kedai makan, ikan, buah-buahan, pakaian dan bunga terbakar 90 peratus, dalam kejadian yang berlaku jam 7 malam.



PENIAGA memeriksa peralatan dapur yang masih boleh digunakan.